

CNS0652  
U GB 10-07 00157 BA303  
Bah

Mahathir - Pembangkang

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas parti pembangkang yang sentiasa menganggap segala kenyataan kerajaan mengenai kejayaan negara sebagai +perverse logic+ (lojik yang menyalahi kebenaran).

Katanya, parti DAP terutamanya, sering menuduh setiap kenyataan mengenai kejayaan negara sebagai +perverse logic+ dan ini memperlihatkan sikap iri hati parti itu terhadap kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan.

Beliau berkata demikian semasa mengakhiri ucapannya bagi membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Keenam (RM6) di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, segala kenyataan yang disebut dalam ucapannya adalah benar. Bagaimanapun, tambahnya; +One man's food is another man's poison.+ (Apa yang digemari oleh seseorang tidak semestinya disukai oleh yang lain.)

Katanya, kerajaan bukan hendak bermegah dengan kejayaan yang dicapainya dengan +masuk bakul angkat sendiri,+ tetapi laporan Bank Dunia sendiri mengatakan bahawa Malaysia kini hampir mencapai tahap negara maju. -- Lagi.

♥10/07/20-01MST

CNS0657  
R GB 10-07 00162 BA304  
Bah

Mahathir - Pembangkang 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata penilaian Bank Dunia itu patut diterima dengan baik oleh semua parti.

Bagaimanapun beliau dapat merasakan bahawa kenyataan Bank Dunia itu juga akan dianggap oleh parti pembangkang sebagai +perverse logic+.

Usul itu disokong oleh Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang mengatakan bahawa RM6 boleh dianggap sebagai hadiah Perdana Menteri kepada rakyat.

Tambahnya, kenyataan Bank Dunia yang Malaysia adalah antara empat negara ekonomi di dunia yang telah mengalami pertumbuhan yang pesat dan pada masa yang sama berjaya mengawal kadar inflasi, merupakan pencapaian yang amat membanggakan terutamanya dalam usaha negara menuju ke arah kemajuan pada tahun 2020.

Datuk Seri Dr Lim berkata ekonomi Malaysia kini telah mengalami perubahan struktur yang pesat dengan keluaran sektor pembuatan merupakan 54 peratus daripada jumlah eksport negara, dan sebahagian besar guna tenaga telah dipindahkan dari sektor pertanian ke sektor pembuatan. -- Lagi.

♥10/07/20-08MST

CNS0659  
R GB 10-07 00070 BA305  
Bah

Mahathir - Pembangkang 3 Kuala Lumpur

Katanya, ini jelas menunjukkan ekonomi negara akan berkembang menjadi sebuah ekonomi yang lebih berpelbagai, kukuh dan dapat melindungi diri daripada ketidak-tentuan dan kesan-kesan negatif ekonomi antarabangsa.

Prestasi yang menggalakkan ini adalah hasil daripada langkah-langkah penyesuaian yang pragmatik yang diambil oleh kerajaan Barisan Nasional seperti kelonggaran hak milik ekuiti, penswastaaan dan persyarikatan, katanya. -- Bernama.

♥10/07/20-08MST